

Newspaper	HARAKAH
Date	25 AUGUST 2014

# Mahathir ketua pembangkang terhebat?

**P**OLITIK Malaysia tidak pernah membosankan. Sehari selepas Pakatan Rakyat bersepakat menolak Tan Sri Khalid Ibrahim sebagai Menteri Besar Selangor, bom yang lebih besar daripada kemelut tersebut diletupkan oleh Dr Mahathir Mohamad – beliau “menarik balik” sokongan terhadap Dato’ Seri Najib Razak sebagai Perdana Menteri.

Kita biasa dengar kata-kata orang bahawa Dato’ Seri Anwar Ibrahim, Tun Musa Hitam dan Tengku Razaleigh Hamzah adalah “the prime minister we never had” atau perdana menteri yang tak sampai ke tampuk kuasa.

Nampaknya Tun Mahathir pula paling layak digelar ketua pembangkang yang tak rasmi kerana telah menyebabkan kejatuhan hampir semua perdana menteri Malaysia kecuali Tun Abdul Razak Hussein dan dirinya sendiri!

Dalam rencana baru bertajuk “Menegur” pada 18 Ogos 2014, Dr Mahathir dalam blognya menulis:

“Apabila YTM Tunku (Abdul Rahman) membuat beberapa dasar dan tindakan yang tidak disenangi oleh ramai orang Melayu, saya menulis surat menegur Tunku.

“Walaupun kerananya saya dipecat, tetapi YTM Tunku meletak jawatan sebagai Perdana Menteri. Mungkin bukan kerana teguran saya, tetapi hakikatnya Tunku mengundurkan diri.



“Demikian juga dengan Tun Abdullah Ahmad Badawi. Mungkin kerana teguran, mungkin kerana prestasi buruk pilihan raya ke-12. Tetapi hakikatnya Tun Abdullah juga letak jawatan.”

Bagi Dr Mahathir, agak jelas bahawa pengumuman penarikan balik sokongan terhadap Najib mempunyai kesan yang sama pedih dengan tentangan politiknya terhadap Tunku Abdul Rahman dan Tun Abdullah Badawi.

Walau apa pun, seperti biasa, Najib membisu seribu bahasa tanpa memberi sebarang komen. Ini tidak baik untuk rakyat dan negara, khususnya tentang ekonomi negara.

Sebagai perdana menteri, mungkin Najib merasakan dia boleh menggunakan sumber-sumber kewangan awam untuk mengekalkan sokongan politik dalaman Umno. Tetapi beliau juga perlu faham bahawa politik bukan sahaja kuasa kewangan dan kuasa institusi. Persepsi dan legitimasi di mata rakyat adalah lebih penting dan ia sebenarnya penentu yang muktamad.

Dr Mahathir menubuhkan

Tunku dan Tun Abdullah dengan tulisan dan lidah tajam beliau tanpa menggunakan kuasa institusi atau kewangan.

“Saya pernah dipecat oleh Tunku Abdul Rahman, dipulau oleh Dato’ Seri Abdullah dan difitnah oleh ramai. Jika kerana menegur saya akan didera, terpaksa saya terima,” kata beliau dalam tulisan blognya.

Dr Mahathir sendiri terpaksa meletak jawatan sebagai perdana menteri dan presiden Umno. Dalam rencana terkini beliau menulis bahawa “Saya sendiri pun letak jawatan. Sebahagian daripada sebabnya ialah kerana saya dengar bisik-bisik yang menyoal ‘Bila lagi orang tua ini akan pergi.’ Saya percaya jika saya tidak letak jawatan, bisik akan jadi jeritan.”

Sebenarnya waktu itu ia bukan bisik-bisik lagi. Sebagai anak muda generasi reformasi pada 1998, saya juga salah seorang daripada ratusan ribu rakyat Malaysia yang melaungkan “undur, undur Mahathir” di jalan raya Kuala Lumpur.

Ada orang kata Dr Mahathir mahir dalam pentadbiran negara sebagai perdana menteri. Saya tidak semestinya setuju dan saya akan jelaskannya dalam tulisan yang lain kenapa Malaysia masih menanggung beban dasar-dasar Dr Mahathir.

Namun apa yang pelik ialah keupayaan Dr Mahathir sebagai kuasa pembangkang yang paling

berkesan buat masa ini. Dengan hanya lidah dan tulisan (dan dibantu oleh pengarang-pengarang kanan media massa), beberapa perdana menteri lain “dibantunya” untuk ditumbangkan.

Ramai tidak mengetahui bahawa dengan mencalonkan seorang pencabar kepada Tun Hussein Onn dalam pemilihan Umno pada 1978, Dr Mahathir turut menghakis legitimasi bapa Dato’ Seri Hishammuddin sebagai perdana menteri ke-3, dan akhirnya menyumbang kepada persaraan Tun Hussein pada Julai 1981.

Kini Dr Mahathir sedang menghakis legitimasi Najib dengan kata-kata: “Saya tidak sangka yang pencapaiannya dalam Pilihan Raya Umum ke-13 lebih buruk daripada Tun Abdullah.”

Buat kali pertama Dr Mahathir membandingkan Najib dengan Abdullah, dan memberi satu penilaian yang memaksa semua ahli Umno (kita semua dah tahulah!) untuk berfikir dua kali: Najib lebih teruk daripada Abdullah yang mereka kecum sungguh-sungguh mengikut irama Dr Mahathir beberapa tahun lalu.

Sekali lagi saya nyatakan, bukan semua yang dikatakan oleh Dr Mahathir kita setuju.

Najib harus diberikan penghargaan kerana menghapuskan ISA (walaupun digantikan dengan akta lain yang membawa kesan yang tidak jauh bezanya) atas teguran

“pihak musuh”, sebagaimana yang dituduh oleh Dr Mahathir.

Tetapi lebih pentingnya, rakyat menyokong agenda pendemokrasian negara. Rakyat mahu Malaysia yang lebih selesa dengan pelbagai suara dan bukan hanya suara Umno dengan agenda perkauman mereka. Rakyat mahukan suasana politik yang lebih matang. Dari segi ini memang Dr Mahathir ketinggalan zaman dan masih dalam era kuku besi.

Tetapi teguran Dr Mahathir juga ada yang kita setuju. Penyelewangan kewangan memang teruk di bawah pentadbiran Dr Mahathir. Tetapi beliau pula menuduh Abdullah dan “Fourth Floor Boys” yang teruk rasuah. Apa yang kita semua setuju sekarang ialah penyelewangan kewangan di bawah Najib, terutamanya yang melibatkan 1MDB, adalah yang paling teruk.

Kesan faktor Dr Mahathir terhadap kerjaya politik Najib belum lagi boleh ditentukan. Tetapi saya tidak akan hairan jika Najib terpaksa meletak jawatan tidak lama lagi. Apa yang perlu kita semua mengambil iktibar; kita sebagai oposisi nasional mesti menentukan agenda supaya tidak semua agenda pembangkang ditentukan oleh Dr Mahathir. Walaupun kita mungkin setuju dengan kritiknya terhadap pengurusan kewangan negara, kita tidak setuju dengan pemikiran antidemokrasi.

Harakah - 25/8/2014